

PELAKSANAANKBAT DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH: SATU TINJAUAN DI PUTRAJAYA

Norasmahani Hj Nor, Nur Sofiah Suhaimi
Nur Syamira Abdul Wahab, Mohd Khushairi Che Ismail
Mohd Aderi Che Noh dan Khadijah Abdul Razak

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor,
MALAYSIA.

Abstract

The application of higher-order thinking skills (HOTS) is one of the country's educational aspirations to create a generation that is able to compete globally. Realising its importance, this research was conducted to identify the implementation of HOTS in teaching and learning (T&L) Islamic Education. Respondents' for this study consisted of 20 Islamic Education teachers of secondary schools in Putrajaya. Data were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software. Results showed that the implementation of HOTS in management and administration, understanding HOTS in the process of T&L and teaching HOTS implementation are at a moderate level. While understanding HOTS planning in the process of T&L, understanding construction HOTS items and understanding evaluation of HOTS are on a high level. The implications of this study found that teachers need to be given more exposure through courses, workshops and in-service training so that generating HOTS among students will be successfully implemented.

Keywords: higher order thinking skills, teaching and learning, Islamic Education, implementation, understanding, planning, evaluation.

Abstrak

Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan salah satu aspirasi pendidikan negara untuk melahirkan generasi yang mampu bersaing secara global. Menyedari akan kepentingan tersebut, kajian ini telah dijalankan bagi meninjau pelaksanaan penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) Pendidikan Islam. Seramai 20 orang guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Putrajaya terpilih sebagai responden kajian. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian Statistical Package of Social Science (SPSS). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan KBAT dalam pengurusan dan pentadbiran, kefahaman KBAT dalam proses P&P dan pelaksanaan pengajaran KBAT berada pada tahap sederhana. Manakala kefahaman perancangan KBAT dalam proses P&P, kefahaman pembinaan item KBAT dan kefahaman Penilaian KBAT berada pada tahap yang tinggi. Implikasi kajian ini mendapati bahawa guru perlu diberi lebih banyak pendedahan melalui kursus, bengkel dan latihan dalam perkhidmatan supaya penerapan KBAT kepada murid dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Kata Kunci: Kemahiran berfikir aras tinggi, pengajaran dan pembelajaran, Pendidikan Islam, pelaksanaan, kefahaman, perancangan, penilaian.

PENDAHULUAN

Agenda transformasi pendidikan yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menggariskan lima keberhasilan teras pendidikan yang akan menentukan kejayaan sistem pendidikan negara kita menjelang tahun 2025 iaitu akses, kualiti, equiti, perpaduan dan kecekapan. Melalui lima aspirasi ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yakin bahawa sistem pendidikan dapat melahirkan modal insan yang berlandaskan lima ciri utama iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional.

Tambahan pula, negara kita memerlukan generasi yang mempunyai minda kelas pertama, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), kreatif dan inovatif. Sehubungan dengan itu, transformasi kurikulum dan pentaksiran telah dilakukan serta elemen KBAT telah menjadi keutamaan dalam peperiksaan awam. KBAT merupakan kesinambungan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis (KBKK) yang memberi fokus tentang menilai, menganalisis, meneroka dan mencipta.

Penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) akan meningkatkan kualiti ilmu pengetahuan di samping menyediakan generasi yang memiliki kemahiran yang mampu berdaya saing di peringkat global. Sejajar dengan itu, kepentingan peranan KBAT telah mendorong kajian ini dijalankan di Wilayah Persekutuan Putrajaya tentang pelaksanaan, penerapan dan cabaran KBAT khususnya dalam P&P mata pelajaran Pendidikan Islam (PI).

KONSEP KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Allah SWT telah memberikan darjat yang tinggi kepada manusia dan membezakan manusia daripada makhluk lain ciptaanNya melalui kemampuan manusia untuk berfikir supaya manusia dapat mengatur segala tindak-tanduknya dengan baik (Ibn Khaldun, 2000). Menariknya konsep *ya`qilun* iaitu berfikir, *yatafakkarun* iaitu berfikir secara mendalam serta konsep *yatadabbarun* yang membawa maksud berfikir untuk menemukan kebenaran tentang Pencipta telah pun disebut secara berulang-ulang dalam Al-Quran (Sidek Baba, 2006). Ini menunjukkan bahawa Islam sangat menggalakkan umatnya berfikir ke aras yang lebih tinggi. Selain itu, Islam juga meraikan matlamat umum pendidikan yang merupakan satu pelajaran atau pendidikan bagi kognitif, fizikal dan roh untuk melahirkan insan yang berperikemanusiaan (Zakaria Stapa et al. 2012).

Pada pandangan Musliha (2010) konsep KBAT menjadi agenda utama dalam bidang pendidikan setelah objektif pengajaran Bloom Taxonomy (1956) diperkenalkan. Selaras dengan itu, KPM (2013) telah mendefinisikan KBAT sebagai keupayaan untuk mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

KBAT mengutamakan empat kemahiran yang utama antaranya kemahiran mengaplikasikan iaitu generalisasi tentang sesuatu yang baharu, kemahiran menilai iaitu pertimbangan nilai, kemahiran menganalisis iaitu menstrukturkan maklumat kepada

bahagian yang kecil dan kemahiran mencipta iaitu menyatukan elemen untuk membentuk atau menghasilkan sesuatu yang baharu.

Kupasan McDavitt (1993) dalam King, FJ et al (t.th) telah menjelaskan bahawa KBAT meliputi beberapa tahap berfikir seperti analisis, sintesis, menilai serta memerlukan kepada penguasaan terhadap tahap sebelumnya. Sementara King, FJ. et al. (t.th) pula menjelaskan KBAT seperti berikut:

“Higher order thinking involves breaking down complex material into parts, detecting relationships, combining new and familiar information creatively within limits set by the context, and combining and using all previous levels in evaluating or making judgments. There also appears to be some interaction across taxonomies”(King, FJ. et al. (t.th), hlm. 20)

Berdasarkan kenyataan di atas, King, FJ. et al. (t.th) turut berpendapat bahawa terdapat pelbagai teori yang mampu menjadi sandaran dalam menjelaskan KBAT. Antara pelopor-pelopor yang dimaksudkan adalah Jean Piaget, Bruner, Bloom, Gagne, Marzano, Glaser, Vygotsky, Haladyna dan Gardner. Hal ini termasuklah Briggs dan Wager (1981;1988), dimana Bloom merupakan pengasas utama yang telah merangka model enam peringkat asas berfikir, dikenali sebagai taksonomi Bloom (Ayat Abdul al-Qader, 2012). Namun demikian, kepelbagaian teori dalam membincangkan mengenai KBAT secara hakikatnya membawa kepada suatu makna yang sama walaupun terdapat perbezaan dalam penggunaan istilah.

Menurut Ayat Abd Al-Qader (2012) KBAT merupakan proses perkembangan berfikir yang memerlukan kepada kefahaman mengenai sesuatu ilmu itu sendiri sebagai tunjang dalam operasi berfikir yang lebih kompleks. Namun demikian, kebolehpayaan seseorang murid dalam mengingati kembali dan menjelaskan sesebuah kerangka konsep kefahaman sahaja tidak mampu membawa kepada tahap penguasaannya mengenai sesebuah ilmu.

Berfikir merupakan kunci penguasaan terhadap sesebuah pembelajaran. Ini adalah kerana proses pembelajaran merupakan proses bertahap yang memerlukan kepada penguasaan ilmu secara berperingkat. Walau bagaimanapun, penguasaan terhadap sesuatu ilmu itu tidak memadai dengan kefahaman konsep semata-mata, namun berkeupayaan untuk diaplikasi dalam pelbagai konteks dan situasi, dianalisis, dinilai sehingga mampu menghasilkan suatu makna baru. Ini bertepatan dengan pendapat Robyn (2014) yang menyatakan bahawa hakikat ilmu itu bukanlah dilihat kepada fakta serta teori tersebut, namun kebolehpayaannya untuk diaplikasi dalam kehidupan.

Secara keseluruhannya, KBAT adalah satu proses pendekatan pengajaran bagi membantu murid untuk lebih memahami, mengaplikasi dan menguasai apa yang dipelajarinya dalam sesuatu mata pelajaran. Proses penggunaan minda ini dapat menilai sesuatu idea, meneliti ketepatan, kebaikan dan kelemahan sesuatu dengan membuat pertimbangan yang wajar diiringi dengan alasan dan bukti yang munasabah. Oleh yang demikian, KBAT wajar diberikan penekanan utama dalam sistem pendidikan bagi membantu generasi kini yang memerlukan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk mendepani arus cabaran hidup yang mendatang di samping meningkatkan taraf kualiti pendidikan negara.

STRATEGI PELAKSANAAN KBAT

Pelaksanaan pengajaran merujuk kepada tindakan yang biasa dilakukan oleh guru dalam pengajaran di dalam bilik darjah. Menurut Robyn (2014) strategi utama dalam melaksanakan KBAT adalah perancangan pengajaran yang sistematik dan teratur. Guru-guru perlu menguasai aras kesukaran menerusi penggunaan istilah persoalan yang tepat, malah ia meliputi perancangan dalam menilaimurid. Oleh itu, peranan guru amatlah diutamakan dalam menentukan strategi P&P. Hal ini turut di ulas oleh Abd Rahim (1999):

“Kurikulum yang mempamerkan unsur-unsur dinamis kearah mengembangkan kemahiran berfikir mempunyai tendensi yang tinggi bagi mencorakkan pemikiran kreatif pelajar, unsur-unsur kreativiti yang tinggi dalam penyampaian isi pelajaran menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan” (Nik Hartini, 2010)

Berdasarkan kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa guru seharusnya bijak menggunakan strategi pengajaran yang lebih menarik dan pelbagai bagi meningkatkan perkembangan mental dan daya berfikir aras tinggi dalam kalangan murid (Rajendran, 2002).

Sehubungan itu, penyerapan dan perkembangan KBAT dalam pedagogi, pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah membabitkan beberapa strategi yang dikhususkan oleh pihak KPM (2013) dalam BPK (2014) antaranya penggunaan alat berfikir, mengubah jenis tugas kepada yang mencabar fikiran, pendekatan pengajaran yang pelbagai, komunikasi dan motivasi secara berkesan, penglibatan aktif dan kolaboratif, persekitaran yang mendorong untuk berfikir, peluang mencipta dan mentaksir pencapaian berfikir.

Tambahan pula, strategi yang dibentuk ini memerlukan kepada pendekatan atau kaedah yang lebih terperinci bagi mencapai hasrat untuk melahirkan murid yang berfikir aras tinggi. Murid merupakan domain dalam proses pembelajaran manakala guru hanya berperanan sebagai pembimbing dan fasilitator. Selain itu, terdapat pelbagai pendekatan yang digunakan dalam pelaksanaan KBAT antaranya dengan menggunakan alat berfikir seperti soalan dan penyoalan, peta minda pengurusan grafik dan coRT. Menurut Alice Thomas (t.th) penggunaan teknik berfikir menerusi analogi, simili dan metafora dengan memulai topik perbincangan dengan menggunakan urutan “I do” diikuti dengan “we do” dan “you do” turut menggalakkan KBAT dikalangan murid.

Kaedah tersebut dapat membantu murid untuk membina keyakinan diri dalam mengutarakan pandangan dan aktif dalam proses pembelajaran. Selain itu, salah satu daripada pelaksanaan KBAT yang ditekankan ialah kaedah i-Think yang merupakan pendekatan yang realistik serta praktikal. Kaedah I-Think dapat membantu mereka memahami sesuatu konsep dan mengaplikasi dalam menyelesaikan permasalahan dengan lebih baik. Ini bertepatan dengan pendapat Nafsah (2014) yang menyatakan bahawa i-Think akan melahirkan murid-murid yang mampu menaakul dan berfikir secara kritis pada setiap permasalahan yang diberi seterusnya menjadikan maksud pembelajaran lebih bermakna .

Secara keseluruhannya, terdapat pelbagai strategi dan pendekatan dalam pelaksanaan KBAT yang mampu diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Murid adalah domain dalam proses pembelajaran dan guru adalah sokongan untuk murid menerima sesuatu ilmu dan pengalaman. Pendekatan guru merupakan elemen utama dalam memastikan murid memahami ilmu atau sebaliknya. Oleh itu, guru haruslah memilih strategi dan kaedah yang terbaik dalam memastikan murid mampu berfikir aras tinggi.

PENILAIAN DAN PENTAKSIRAN KBAT

Pentaksiran merupakan proses penilaian yang meliputi soalan sumatif (formal) dan formatif (informal). Tujuan penilaian adalah menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung dalam kalangan murid dan membantu untuk memperbaiki kelemahan guru. Menurut Abu Bakar (2013) pentaksiran ialah mengenalpasti potensi dan kelemahan murid supaya potensi mereka ini dapat diperbaiki dan dikembangkan. Penilaian formatif adalah penilaian yang dibuat secara berterusan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pengajaran guru dan pembelajaran murid bagi setiap tajuk yang di ajar. Contoh bagi ujian formatif adalah soal jawab, latihan yang diberikan guru dan ujian mingguan.

Menurut Abdul Rahman (2011) penilaian formatif secara amnya berasaskan kepada pemerhatian sistematik dan hanya terbatas dalam aspek proses P&P di dalam kelas berbanding penilaian sumatif yang menggunakan instrumen seragam kepada para murid. Penilaian jenis sumatif sering digunakan pada peringkat akhir sesuatu topik pengajaran. Tujuan penilaian ini adalah untuk mengetahui tahap penguasaan dan pencapaian murid bagi satu kelas atau kumpulan (Azman Fadzil, 2014). Ini memberi fahaman bahawa KBAT itu sendiri merupakan sebahagian daripada penilaian dalam memperlihatkan keberkesanan sesebuah proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung.

Hal yang demikian turut dinyatakan dalam buku "*How to Design Questions and Tasks to Assess Student Thinking*" yang menjelaskan bahawa penilaian terdiri daripada dua pecahan, iaitu penyoalan dan tugasan dalam kemahiran berfikir serta peranan rubrik (senarai semak, tindak balas, skor pemarkahan) yang merupakan sebuah lagi pecahan elemen penilaian (Brookhart, 2014). Kenyataan ini jelas memberi fahaman bahawa berfikir bukan sahaja merupakan suatu kemahiran dalam meningkatkan penguasaan terhadap sesuatu ilmu namun ia juga merupakan sebahagian daripada proses penilaian dalam menambahbaik sebuah proses pengajaran dan pembelajaran.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pelaksanaan KBAT dalam matapelajaran PI di Sekolah Menengah Kebangsaan di Putrajaya. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kefahaman dan pelaksanaan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran matapelajaran PI. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pelaksanaan KBAT P&P mata pelajaran PI.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan rekabentuk kajian kuantitatif. Tinjauan terhadap kefahaman GPI mengenai pelaksanaan KBAT dalam matapelajaran PI dijalankan secara umum yang melibatkan 20 orang responden yang terdiri daripada GPI di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Penggunaan soal selidik merupakan instrumen utama dalam proses pengumpulan data bagi mencapai objektif ini. Soal Selidik ini terdiri daripada tiga (3) bahagian: Bahagian A- Demografi Responden, Bahagian B- Perancangan pelaksanaan KBAT, Bahagian C- Pelaksanaan KBAT dalam Proses P&P dan Bahagian D- Kaedah Penilaian KBAT. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Special Program for Social Science* (SPSS).

Selain itu, kajian ini juga menjalankan temu bual yang melibatkan dua orang peserta kajian yang terdiri daripada seorang pengetua sekolah dan seorang guru cemerlang PI merangkap Jurulatih Utama Kebangsaan Pembinaan Item PT3 di Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 8(1). Kaedah temubual separa struktur terhadap peserta kajian digunakan untuk pengumpulan data. Pemerhatian terhadap pelaksanaan KBAT dalam proses P&P menggunakan borang pemerhatian hanya ditinjau di Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 8(1).

DAPATAN KAJIAN

Analisis deskriptif digunakan bagi menjelaskan profil demografi responden kajian. Terdapat empat profil demografi yang terlibat dalam kajian ini, iaitu seperti jantina, institusi perkhidmatan, tingkat pengajaran dan pengalaman. Hal ini dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Profil Demografi Responden Kajian

Profil	Kekerapan	Peratus
Jantina		
Lelaki	3	15.0%
Perempuan	17	85.0%
Institusi Perkhidmatan		
Sekolah Menengah Kebangsaan	18	90.0%
Sekolah Menengah Kebangsaan Agama	2	10.0%
Tingkat Pengajaran		
Tingkatan 1	10	16.7%
Tingkatan 2	13	21.7%
Tingkatan 3	13	21.7%
Keseluruhan Menengah Rendah	36	60.0%
Tingkatan 4	13	21.7%
Tingkatan 5	11	18.3%
Keseluruhan Menengah Atas	24	40.0%
Pengalaman Mengajar		
1 – 8 Tahun	3	15.0%
9 – 17 Tahun	10	50.0%
18 – 25 Tahun	6	30.0%
26 Tahun ke atas	1	5.0%

Jadual 1 menunjukkan bilangan GPI secara keseluruhannya adalah 20 orang iaitu seramai 3 orang (15.0%) guru lelaki dan 17 orang (85.0%) guru perempuan. Dapatan menunjukkan bilangan guru perempuan bagi mata pelajaran PI di wilayah Persekutuan Putrajaya lebih ramai berbanding guru lelaki. Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) merupakan institusi perkhidmatan yang memiliki kekerapan GPI yang tertinggi terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 18 orang (90.0%) berbanding Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), dengan nilai $f = 2$, (10.0%). Ini menunjukkan GPI bagi SMK yang menyertai kajian ini lebih ramai berbanding penyertaan daripada GPI SMKA kerana bilangan SMK lebih banyak berbanding SMKA hanya sebuah sahaja.

Tingkat pengajaran GPI di peringkat menengah rendah (Tingkatan 1, 2, dan 3) sebanyak $f = 36$ (60.0%) lebih tinggi berbanding dengan kekerapan tingkat pengajaran GPI di peringkat menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) dengan nilai $f = 24$ (40.0%). Dapatan pengajaran Pendidikan Islam bagi menengah rendah (60.0%) dan menengah atas (40.0%) yang terdiri daripada 20 orang GPI ini menunjukkan kebarangkalian bagi setiap GPI terlibat bagi pengajaran Pendidikan Islam kepada tiga tingkat murid-murid dengan nisbah (1:3).

Berdasarkan pengalaman mengajar seramai 10 orang (50.0%) GPI telah mengajar selama 9 hingga 17 tahun, diikuti dengan 18 hingga 25 tahun (30.0%), 1 hingga 8 tahun (15.0%) dan 26 tahun dan ke atas (5.0%). Dapatan menunjukkan sebahagian separuh (50%) daripada GPI mempunyai 9 hingga 17 tahun pengalaman mengajar PI dan hanya seorang sahaja GPI yang memiliki 26 tahun dan ke atas pengalaman dalam mengajar PI.

Tahap Pelaksanaan KBAT dalam Pengurusan dan Pentadbiran

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan bagi menentukan tahap pelaksanaan KBAT dalam pengurusan dan pentadbiran. Hasil analisis deskriptif seperti jadual 2 berikut:

Jadual 2: Tahap pelaksanaan KBAT dalam pengurusan dan pentadbiran

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Tahap pelaksanaan KBAT dalam pengurusan dan pentadbiran	3.57	0.355	Sederhana

Jadual 2 menunjukkan tahap pelaksanaan KBAT dalam pengurusan dan pentadbiran menunjukkan nilai min = 3.57 dan $sp = 0.355$ dengan tahap sederhana. Hal ini mampu dijelaskan menerusi hasil temubual pengkaji bersama peserta kajian mengenai perancangan perbincangan KBAT sepertimana berikut:

“Perbincangan KBAT dibuat dalam panitia masing-masing dan perancangan telah pun dibuat tahun lepas. Dengan bermulanya PT3

pada April, soalan KBAT telah dimasukkan sekali dan penerangan dibuat pada bulan Oktober ”

Selain itu juga, hasil pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji mendapati pihak pengurusan menyediakan poster I-think di setiap kelas dan sudut-sudut di sekitar sekolah. Pihak pentadbir telah merancang dan melaksanakan latihan dalam perkhidmatan (LDP) seperti kursus KBAT secara umum kepada semua guru dan bengkel KBAT mengikut panitia masing-masing.

Tahap kefahaman KBAT dalam proses P&P

Tahap kefahaman KBAT dalam proses P&P ditentukan menggunakan min dan sisihan piawai melalui analisis deskriptif. Hasil analisis deskriptif tersebut seperti jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Tahap kefahaman KBAT dalam proses P&P

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Tahap kefahaman KBAT dalam proses P&P	3.66	0.187	Sederhana

Tahap kefahaman KBAT dalam proses P&P berdasarkan jadual 3 menunjukkan nilai min = 3.66 dan $sp = 0.187$ dengan tahap sederhana. Hasil temubual pengkaji mendapati peserta kajian jelas memahami bahawa proses P&P yang melibatkan KBAT merupakan bentuk pengajaran berpusatkan murid dimana guru berperanan sebagai fasilitator atau pemudah cara. Guru memainkan peranan sebagai pembimbing mampu dijelaskan menerusi hasil temubual pengkaji bersama peserta kajian sepertimana berikut:

“ masa bentang..guru bimbinglah..guru juga bantu pelajar yang tidak siap kerja rumah”.

Selain itu juga, menerusi pemerhatian yang dilakukan pengkaji mendapati bahawa guru mengaitkan perbincangan dengan pengetahuan sedia ada murid dan realiti semasa sebagaimana yang dinyatakan “ *andaikan awak kehilangan orang yang dikasihi”* dan “ *apakah yang awak rasakan apabila menghadapi bencana....”*. Hal ini jelas menunjukkan kefahaman guru terhadap penerapan KBAT.

Tahap kefahaman perancangan pelaksanaan KBAT dalam proses P&P

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan bagi menentukan tahap kefahaman perancangan pelaksanaan KBAT dalam proses P&P. Jadual 4 berikut menunjukkan hasil analisis tersebut.

Jadual 4: Tahap kefahaman perancangan pelaksanaan KBAT dalam proses P&P

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Tahap kefahaman perancangan pelaksanaan KBAT dalam proses P&P	3.83	0.258	Tinggi

Tahap kefahaman perancangan pelaksanaan KBAT dalam proses P&P dalam jadual 4 menunjukkan nilai min = 3.83 dan sp = 0.258 berada pada tahap tinggi. Dapatan ini disokong dengan hasil temubual pengkaji yang mendapati guru juga memahami perancangan pelaksanaan KBAT walaupun tidak melibatkan perancangan bertulis khusus dalam rekod pengajaran harian (RPH). Hal ini dirumuskan menerusi kenyataan peserta kajian sepertimana berikut:

“Manakala penulisan rancangan pengajaran harian (RPH) ditulis seperti biasa walaupun KBAT dilaksanakan di dalam kelas”

Tahap Kefahaman Pembinaan Item KBAT

Tahap kefahaman pembinaan item ditunjukkan menggunakan min dan sisihan piawai melalui analisis deskriptif seperti jadual 5.

Jadual 5: Tahap Kefahaman Pembinaan Item KBAT

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Tahap Kefahaman Pembinaan Item KBAT	4.00	0.196	Tinggi

Tahap kefahaman pembinaan item KBAT menunjukkan nilai min = 4.00 dan sp = 0.196 dengan tahap tinggi. Hal ini mampu dilihat menerusi keupayaan guru dalam menyediakan item KBAT sebagai perancangan pengajaran sebelum melaksanakan P&P. Hasil temubual pengkaji bersama peserta kajian menyokong dapatan tersebut sepertimana berikut:

“...sebaik-sebaiknya guru menyediakan item penyediaan KBAT untuk memudahkan guru dan melancarkan P&P yang sedang berlangsung di dalam kelas”

Tahap Pelaksanaan Pengajaran KBAT

Nilai min dan sisihan piawai dalam analisis deskriptif menentukan tahap pelaksanaan pengajaran KBAT seperti jadual 6 berikut:

Jadual 6: Tahap pelaksanaan Pengajaran KBAT

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Tahap pelaksanaan Pengajaran KBAT	3.57	0.238	Sederhana

Tahap pelaksanaan pengajaran KBAT menunjukkan nilai min = 3.57 dan sp = 0.238 dengan tahap sederhana. Berdasarkan pemerhatian didapati guru mengimbangi keperluan kemahiran dan kandungan pembelajaran dengan baik. Guru menggunakan bahan bantu mengajar seperti media cetak iaitu surat khabar. Selain itu, guru juga sering kali menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi seperti video dan multimedia.

Penekanan GPI terhadap KBAR murid mampu dijelaskan menerusi hasil temubual pengkaji bersama peserta kajian sepertimana berikut:

“....antara teknik P&P yang memudahkan pelaksanaan KBAT di dalam kelas ialah meminta pelajar membaca buku teks terlebih dahulu kemudian ditugaskan membuat peta i-Think ketika pembentangan dan fotostat salinan tersebut kepada rakan-rakan yang lain sebagai nota tambahan”

“..... penggunaan ICT juga sering digunakan seperti dalam set induksi untuk merangsang pemikiran murid...”

Tahap Kefahaman Penilaian KBAT

Jadual 7: Tahap Kefahaman Penilaian KBAT

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Tahap kefahaman Penilaian KBAT	3.84	0.234	Tinggi

Jadual 7 menunjukkan tahap kefahaman penilaian KBAT mendapati nilai min=3.84 dan sp = 0.234 adalah berada pada tahap tinggi. Pemerhatian kefahaman penilaian KBAT mendapati guru berusaha membimbing murid melalui pembentukan kumpulan kecil dan besar bergantung pada jenis soalan untuk menggalakkan strategi pembelajaran berpusatkan murid. Guru memberikan bentuk soalan KBAT yang sesuai dengan isi pengajaran kepada murid. Guru juga memberi bimbingan dan menunjukkan cara menjawab soalan KBAT. Akhirnya, murid mampu dan faham cara menjawab soalan KBAT melalui respon jawapan yang diberikan. Oleh itu, sewajarnya teknik menjawab soalan KBAT hendaklah didedahkan di setiap sesi pengajaran agar murid dapat menerapkan KBAT dengan baik.

Cabaran Pelaksanaan KBAT dalam matapelajaran Pendidikan Islam

Cabaran GPI dalam pelaksanaan KBAT dalam matapelajaran PI ditinjau menerusi jawapan ringkas GPI dalam borang soal selidik. Hasil penelitian dan analisis pengkaji seterusnya merumuskan bahawa terdapat tiga cabaran utama yang dihadapi oleh GPI dalam pelaksanaan KBAT. Cabaran tersebut adalah masalah dalam melaksanakan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan murid-murid yang berbeza tahap seperti tahap sederhana dan rendah sebagaimana yang dinyatakan:

“...Masalah untuk menggerakkan murid agar berfikir dan aplikasi ilmu yang dipelajari dalam kehidupan harian khususnya aras sederhana dan rendah....”

“...masalah untuk melaksanakan KBAT terutama pelajar sederhana dan lemah...”

“...Pelajar lemah tidak dapat menjawab dengan baik..”

Selain itu, masalah turut dihadapi oleh guru dalam menjalankan penilaian KBAT. Kekangan ini dijelaskan seperti berikut

“...Sukar menilai jawapan pelajar serta sistem pemarkahan yang tinggi..”.

Tambahan pula, pendedahan yang agak kurang mengenai KBAT turut menjadi cabaran kepada guru. Kefahaman tentang KBAT melalui bahan dan latihan pula sukar diperolehi seperti yang diutarakan

“...kurang buku tentang contoh-contoh soalan KBAT, kurang pendedahan ... latihan guru tidak mencukupi..”

PERBINCANGAN

Kefahaman guru dalam perancangan pelaksanaan KBAT merupakan perkara utama yang perlu dikuasai oleh guru dalam menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan KBAT dalam P&P. GPI akan membuat perancangan pengajaran yang sesuai sebagai strategi pelaksanaan KBAT dalam P&P. Ini adalah kerana menurut Chew Fong Peng (2014) guru kerap berhadapan dengan murid yang berbeza dari segi kebolehan mereka dalam sesi pembelajaran. GPI perlu menggunakan istilah persoalan yang tepat mengikut aras kesukaran dan menilai murid untuk melaksanakan strategi pengajaran.

King, FJ. et al. (t.th) mendapati strategi pengajaran pelaksanaan KBAT adalah strategi berpusatkan murid (*student-centred*). Pengkaji berpendapat strategi pembelajaran berpusatkan murid adalah pembelajaran jangka panjang. Murid berperanan penting dalam merancang pembelajarannya, membuat kajian mendalam, menilai hasil kerja serta berinteraksi dengan pengajar, dan sumber maklumat lain dalam proses pembelajaran mereka. Dalam erti kata yang lebih mudah, murid akan lebih

berdikari untuk mencapai sesuatu kejayaan dalam usaha memperorehi ilmu demi meningkatkan kemajuan diri untuk menempuh masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, guru akan membantu murid berfikir secara kreatif, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dengan mengajar mereka strategi kognitif bagi memastikan mereka kompetatif dan menguasai kemahiran tersebut. Kajian Siti Noridah (2012) menunjukkan aktiviti penyelesaian masalah, sumbang saran dan perbincangan soalan dapat menjana KBAT murid dalam P&P.

Proses pengajaran KBAT yang dilaksanakan secara teratur dan sistematik bermula daripada pendekatan kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) dan berkembang kepada pendekatan KBAT. Hal turut disokong oleh Ayat Abd Al-Qader (2012) yang menyatakan kefahaman mengenai sesuatu ilmu itu sendiri sebagai tunjang dalam operasi berfikir yang lebih kompleks. Anat Zohar et al. (2001) juga menjelaskan bahawa 45% orang guru bersetuju dengan penekanan kepada elemen pengetahuan dan kefahaman dalam memulakan sesebuah pengajaran yang merupakan asas dalam galakan berfikir serta peningkatan keyakinan diri para murid. ni menunjukkan bahawa murid mesti menguasai isi kandungan pengajaran secara KBAR terlebih dahulu sebelum menguasai KBAT. Pengetahuan dan pemahaman murid ini seterusnya mampu menjana pencapaian aras yang lebih tinggi iaitu mengaplikasi, menganalisis, mensintesis dan seterusnya mencipta.

Secara keseluruhannya, tahap pelaksanaan KBAT dalam pengurusan dan pentadbiran, tahap kefahaman guru dalam P&P dan tahap pelaksanaan pengajaran KBAT adalah sederhana. Manakala tahap perancangan pelaksanaan P&P, tahap kefahaman pembinaan item dan tahap penilaian KBAT adalah tinggi. Walau bagaimanapun, hasil dapatan ini dilihat berlaku percanggahan kerana sepatutnya tahap pelaksanaan KBAT dalam pengurusan dan pentadbiran, tahap kefahaman guru dalam P&P dan tahap pelaksanaan pengajaran KBAT adalah tinggi sebagaimana tahap perancangan pelaksanaan P&P, tahap kefahaman pembinaan item dan tahap penilaian KBAT.

Hasil penelitian pengkaji mendapati bahawa pengetahuan guru tentang KBAT tidak dapat dilihat dalam konteks pedagogi. Ini kerana pendedahan kepada guru banyak berfokus kepada item PT3 yang dilaksanakan pada tahun 2014 sedangkan penerapan KBAT dalam P&P baru sahaja didedahkan kepada guru pada tahun ini. Selain itu, kelemahan ini juga turut dilihat menerusi kekurangan latihan dan bahan yang dibekalkan kepada guru-guru. Oleh itu, guru hanya menguasai pembinaan item berbanding penguasaan pedagogi dalam KBAT.

Selain itu juga, hasil pemerhatian pengkaji terhadap pelaksanaan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran PI mampu menjelaskan tiga aspek pelaksanaan KBAT dalam sistem pendidikan. Pertama, realiti kebolehlaksanaan KBAT dalam proses pengajaran apabila KBAT mampu dilaksanakan disepanjang proses pembelajaran (permulaan, pertengahan dan pengakhiran). Selain itu juga, pengajaran KBAT mampu dilaksanakan menerusi penggunaan Bahan Bantu Mengajar (5 keratan akhbar – permulaan pengajaran), peta i-Think (nota pembelajaran- pertengahan) dan soalan KBAT (pengakhiran pengajaran). Kedua, kesesuaian aras penysoalan guru yang memenuhi elemen KBAT serta tahap pemikiran murid. Ketiga, strategi pelaksanaan KBAT berlaku apabila guru melaksanakan latihan KBAT bersama murid diakhir proses

P&P disetiap sesi pembelajaran. Malah, hal ini juga secara tidak langsung mampu membantu murid untuk terlatih dengan jawapan mengikut aras tinggi serta mampu mencapai keseluruhan markah KBAT. Oleh yang demikian, ketiga-tiga aspek ini jelas menunjukkan KBAT mampu dilaksanakan dalam konteks pembelajaran abad ke-21.

CADANGAN

Pelaksanaan KBAT dalam PI akan dapat dimantapkan lagi dengan memberi lebih banyak pendedahan kepada guru melalui kursus, bengkel dan latihan dalam perkhidmatan. Pendedahan ini akan membantu GPI membuat persediaan pengajaran dan pembelajaran KBAT. Di samping itu juga, GPI sendiri perlu berusaha meningkatkan penguasaan KBAT mereka. Hal ini supaya penerapan KBAT kepada murid dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Selain itu, guru bertanggungjawab mengenalpasti potensi setiap murid agar mereka lebih mudah untuk melaksanakan P&P KBAT. Pendekatan P&P perlu dipelbagai agar bersesuaian dengan potensi murid. Usaha ini dapat membantu murid agar lebih peka dengan perubahan perkembangan pendidikan semasa yang menjurus kepada KBAT dalam pembelajaran mereka.

Seterusnya, pihak pentadbir termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan pentadbir sekolah perlu menyediakan lebih banyak kursus pendedahan, buku panduan pelaksanaan dan bahan P&P. Pemantauan hendaklah dijalankan dengan lebih kerap agar pelaksanaan KBAT berjaya dilaksanakan secara menyeluruh. Oleh yang demikian, semua pihak haruslah memberi sokongan terhadap pelaksanaan KBAT dalam P&P untuk mencapai matlamat PPPM(2013-2025).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan KBAT akan dapat melatih generasi pada masa kini agar lebih kreatif dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Proses pembelajaran yang interaktif, aktif dan melibatkan hubungan dua hala akan dapat melahirkan generasi yang mampu bersaing pada masa hadapan. Harapan untuk melihat peningkatan taraf pendidikan yang lebih berkualiti di Malaysia adalah merupakan impian kita semua. Namun begitu, diharapkan agar guru-guru diberikan bimbingan, peluang dan ruang dalam melaksanakan KBAT kerana ia masih baharu dan memerlukan proses penambahbaikan dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, semua pihak mestilah memainkan peranan dan bekerjasama dalam memastikan pelaksanaan KBAT memberi impak terhadap pembangunan pendidikan negara.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Majid Khan.2011. *Penyeliaan Klinikal dari Perspektif Pengajaran di Sekolah*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Abu Bakar Nordin. 2013. Kurikulum Kearif Penghasilan Kemahiran Berfikir Kritis, Kreatif dan Inovatif. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil.1 Isu 1.Hlm: 10-18

- Alice Thomas. *30 Strategies for Enhancing Higher Order Thinking*. Center for Development and Learning. <http://ueatexas.com/pdf/30strategies.pdf> [Diakses pada 13 Mac 2015]
- Ayat Abd al-Qader Ahmad Seif. 2012. *Evaluating the Higher Order Thinking Skills in Reading Exercise of English for Palestine Grade 8*. Tesis Sarjana. Universiti Islam Gaza.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (BPK). 2014. *Buku Panduan Guru Literasi Bacaan PISA*. KPM.
- Brookhart, Susan M. 2014. *How to Design Questions and Tasks to Assess Student Thinking*. Alexandria: Association for Supervision and Curriculum Development (ASCD).
- Chew Fong Peng. 2014. Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komsas di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM* Vo..4, Bil 2, 2014 hlm: 10-24
- Haji Zawi bin Yahya AMN, 2015. Pelaksanaan KBAT dalam Pengurusan dan Pentadbiran. Temu bual, 9 April.
- King, FJ., Ludwika Goodson & Faranak Rohani.t.th. *Higher Order Thinking Skills: Definition, Teaching Strategies & Assessment*. http://www.cala.fsu.edu/files/higher_order_thinking_skills.pdf. [Diakses pada 15 April 2015].
- KPM. 2013. *KBAT Inisiatif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di Sekolah*. Putrajaya: KPM
- Musliha Salma Mohd Radzi. 2010. Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah. *Thesis Sarjana Muda* Universiti Teknologi Malaysia
- Nafsah Mohd Shah. 2014. Integrasi VLE-Frog dan I-Think serta penggunaannya sebagai satu transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Projek Sarjana Pendidikan*, UKM.
- Nik Hartini Nik Latif. 2010. Kesianaan Guru melaksanakan pentaksiran untuk pembelajaran. Tesis Sarjana Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norizan Muhamad. 2015. Penerapan KBAT dalam Pendidikan Islam. Temu bual, 9 April.
- Rajendran Nagappan. 2002. Bahasa Melayu: Penyumbang ke Arah Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Beijing China*, 2002. Hlm: 1-13
- Robyn Collins. 2014. Skill For The 21st Century: Teaching Higher-Order Thinking. *Journal of Curriculum & Leadership* 12(14), *An electronic Journal for leader in Education*, http://www.curriculum.edu.au/leader/teaching_higher_order_thinking,37431.html?issueID=12910 [Diakses pada 11 Mac 2015]
- Siti Noridah Ali. (2012). Malaysian Polytechnique Lectures teaching practise with ICT utilization to promote HOTS. Thesis Doctor of Philosophy. Ohio University USA.
- Sidek Baba. 2006. Membina Kemahiran Berfikir. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1102&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm [Diakses pada 15 April 2015]

- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012), hlm: 155-172.
- Zohar, Anat, Degani, Adi & Vaaknin, Einav. 2001. Teachers' Beliefs About Low-Achieving Students and Higher Order Thinking. *Teaching and Teacher Education* 17, hlm. 469-485.

_____0000_____